

ISU- ISU BERKAITAN PENGURUSAN TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

Zarina Abu Zarin

Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan, Open University Malaysia

Email: zarinnazarin2801@oum.edu.my

Hamidah binti Mat

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia

E-mail: hamidah_mat@oum.edu.my

ABSTRAK

Pengurusan Harta Sepencarian merupakan isu yang penting dalam konteks Masyarakat muslim di Malaysia. Pengurusan Harta Sepencarian yang tidak lancar memberikan implikasi buruk dalam kehidupan sosial masyarakat. Kajian ini bertujuan mengenalpasti isu-isu utama berkaitan pengurusan harta sepencarian di Malaysia. Kajian bersifat kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan temubual bersama pakar dalam pengumpulan data. Data-data terkumpul dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti corak dan tren yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan harta sepencarian di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa isu yang utama dalam pengurusan harta sepencarian di Malaysia iaitu ketidakfahaman yang meluas tentang undang-undang berkaitan dengan harta sepencarian yang menyebabkan ketidakpastian dan konflik dalam proses pembahagian harta semasa perceraian atau kematian. Terdapat juga kekurangan dalam pembahagian harta yang adil dan seimbang antara pasangan, yang boleh menjadi sumber ketegangan dan pertikaian. Kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan pengurusan harta sepencarian termasuk penambahbaikan pada undang-undang sedia ada, peningkatan pendidikan undang-undang, promosi kesedaran masyarakat, penyediaan perkhidmatan profesional yang berkualiti, dan reformasi undang-undang dan dasar yang relevan. Akhirnya, beberapa langkah penting telah dicadangkan untuk meningkatkan keadilan, keberkesanan, dan keharmonian dalam pengurusan harta sepencarian demi mencapai maqasid al-syariah dalam penyiaran hukum harta sepencarian.

Kata Kunci: Harta sepencarian. Maqasid al-syariah, pengurusan harta Islam

1. Pengenalan

Di dalam masyarakat amat sering kita dengar dan maklum pelbagai permasalahan yang timbul berkitar isu Tuntutan Harta Sepencarian (Wan Abdul Halim, 2016), Ia terkait dengan isu-isu yang berlaku di sekeliling kita seperti persengketaan keluarga yang berpanjangan, makan harta batil, isu ekonomi waris, isu tuntutan harta sepencarian, isu melibatkan harta beku dan sebagainya. Punca menyumbang kepada isu-isu ini jika tidak ditangani dengan bijak akan memberikan kesan yang semakin membarah kepada kesinambungan kehidupan individu dan keluarga yang secara langsung akan memberi impak kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat, institusi juga memberi impak yang besar kepada kemajuan ekonomi negara (Mohammad Zaharuddin. 2017).

Tanpa kefahaman yang jelas dan nyata suatu perkara itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik menurut Noor Liza et al. (2019). Apabila kita memahami dasar pengurusan pembahagian harta adalah berpandukan saranan Allah SWT yang termaktub di dalam al Quran al Kareem dan hadith kita akan yakin tentang keadilannya. Namun apabila ia melibatkan sikap kemanusiaan, disinilah ruang ketidakadilan atau penindasan boleh berlaku. Untuk mengelakkan situasi ini daripada berterusan pengkaji bertekad untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam berkaitan harta sepencarian yang mana ia di lihat sebagai satu bahagian pengurusan harta yang kurang diberikan perhatian menurut Luqman et al. (2022). Hal berkaitan harta sepencarian adalah sangat penting kerana ia melibatkan tiga keadaan di dalam status hubungan suami isteri iaitu poligami, perceraian dan kematian.

Menurut Ahmad Akram dan Mek Wok (2020) elemen penting di dalam takrif *matrimonial property* ataupun harta sepencarian adalah pemilikan harta perolehan bersama suami dan isteri sepanjang masa sah ikatan perkahwinan mereka. Ia berdasarkan peruntukan undang-undang yang asalnya daripada adat Melayu yang jelas tiada bertentangan dengan undang-undang syarak dan ianya selari dengan Maqasid Syari'ah yang mana di Malaysia ia diguna pakai sebagai undang-undang Islam. Diperkatakan juga oleh Nur Sarah Tajul Urus et.al (2021) bahawa harta sepencarian diluluskan oleh undang-undang syarak melibatkan para fuqoha mazhab Shafie atas dasar hikmah dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga, suami pula keluar mencari nafkah.

Kini, harta sepencarian telah dijadikan sebahagian daripada undang-undang Islam di Malaysia yang diperuntukkan dalam Akta dan Enekmn Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri. Enekmn ini menyatakan bahawa semasa hendak membahagikan aset atau harta tersebut, mahkamah hendaklah mengambil kira atau mempertimbangkan beberapa perkara sebelum sesuatu keputusan diputuskan melalui sumbangan simbolik iaitu secara langsung atau tidak langsung oleh setiap pihak, hutang yang masih terhutang oleh salah satu pihak untuk manfaat bersama dan juga keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu (Nur Sarah Tajul Urus et.al 2021).

Perkara ini disebut secara umum melalui firman Allah SWT di dalam surah An Nisa' ayat 32; Yang bermaksud:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain kerana bagi lelaki ada bahagian daripada apa yang diusahakannya dan bagi perempuan pula bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan mohonlah dari Allah sebahagian daripada kurniannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Syariat Islam amat mengambil berat terhadap pembelaan golongan wanita dan kanak-kanak. Ini dapat diperhatikan melalui penurunan ayat-ayat awal surah An Nisa' seperti di atas yang khusus membincangkan kedudukan golongan ini yang berhak ke atas pemilikan harta dan atas apa yang mereka usahakan. Yang mana pada awalnya hak-hak pemilikan harta dan hak perwarisan ke atas mereka ini telah dinafikan pada zaman jahiliyyah.

Menurut Asmak dan Bazla (2018), Imam as Syafie telah menyatakan bahawa;

Apabila berlaku pertelingkahan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan terhadap mata benda atau perkakas rumah yang mana kedua mereka mendiami rumah berkenaan, kerana mereka bercerai, atau sekali pun tidak berpisah, atau kedua suami isteri itu meninggal dunia, atau salah seorang dari mereka meninggal dunia yang mana berlaku pertelingkahan di kalangan waris kedua-dua pihak atau pertelingkahan waris salah satu pihak itu maka kedudukan cara penyelesaian semuanya adalah serupa..

Dari pernyataan di atas menunjukkan harta sepencarian merupakan hak eksklusif pasangan suami isteri yang masih di dalam tempoh perkahwinan mahupun yang telah bercerai. Malah jika keduanya telah meninggal dunia pun tuntutan terhadap harta sepencarian boleh dibuat oleh waris kedua-dua pihak. Berbeza dengan kaedah perwarisan harta seperti agihan pusaka menurut sistem faraid kepada waris harta sepencarian difahami perlu dituntut pemilikannya di Mahkamah Tinggi Syariah (Ahmad Akram dan Mek Wok, 2020).

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Dalam bidang pengajian Islam kaedah kualitatif ini telah lama digunakan sejak zaman sarjana-sarjana Muslim terdahulu. Sungguh pun pendekatan metod kualitatif tidak disebut dengan istilah yang langsung namun, penulisan dan karya sarjana Muslim terdahulu menunjukkan sarjana Muslim menggunakan pendekatan seumpama metode kualitatif yang sedia ada pada masa kini. Sebagai contoh, sarjana sosiologi Muslim yang terkenal Ibnu Khaldun telah mengarang kitab *Muqaddimah* dengan menggunakan metod pemerhatian mengenai tingkah laku, persekitaran dan situasi pada zaman tersebut. Daripada kajian Mahdi Zahraa (2003) juga telah mendapati sarjana-sarjana Muslim berjaya menyelesaikan permasalahan semasa berdasarkan pemerhatian dan kajian mereka terhadap realiti keadaan sosial masyarakat pada ketika itu.

Dinyatakan oleh Morisson (2007) dalam Mariam Abd. Majid (2017) bahawa pendekatan kualitatif ini sesuai dijalankan untuk penyelidikan kerana ia berdasarkan kepada pengalaman individu. Cara individu menciptakan, memodifikasi dan menafsirkan dunia sosial yang mereka tempati adalah tujuan utama dalam mencari pemahaman tersebut.

Data yang dikumpul dan dianalisis juga memiliki signifikansi kualitatif. Dengan demikian adalah penting untuk memahami bagaimana manusia memberi makna kepada aktiviti dalam kehidupan mereka. Dinyatakan oleh Othman Lebar (2009) dalam Mariam Abd Majid (2017), adalah penting bagi pengkaji memahami perspektif subjek kajian melalui kefahaman terhadap pendapat, pengalaman dan perasaan responden. Ia diperolehi melalui perspektif yang holistic. Oleh itu adalah jelas bahawa penyelidikan kualitatif mementingkan pembinaan berkaitan fenomena sosial.

Paradigma positivis dan inpretevis terdapat di dalam kajian kualitatif. Ia merupakan beberapa set andaian yang menjadi asas penyelidikan sosial. Andaian paradigma bagi falsafah utama yang mendasari semua jenis penyelidikan kualitatif adalah pandangan yang menjelaskan sesuatu realiti itu dibina oleh individu yang berinteraksi dengan dunia sosial mereka. Menurut Othman Lebar (2009) dalam Mariam Abdul Majid (2017), pemahaman yang jelas tentang andaian-andaian paradigma penting kerana ia akan menyediakan halatuju dalam rekabentuk semua fasa penyelidikan yang akan dijalankan.

Kajian ini mempunyai ciri-ciri paradigma interpretivis kerana ia adalah kajian kualitatif yang berbentuk naturelisme. Fokus kajian sains sosial dalam paradigma interpretivis adalah tentang produk minda manusia dan produk itu berkait rapat dengan minda manusia termasuk subjektiviti, minat, emosi dan nilainya. Dapat disimpulkan bahawa masyarakat adalah hasil daripada pemikiran manusia dan perkaitan antara apa yang dikaji adalah sukar dipisahkan. Perspektif ini menjelaskan bahawa manusia adalah merupakan subjek dan objek dalam kajian sains sosial.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Kamarul Azmi (2018) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data tersendiri yang berbeza dengan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Bahagian ini menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan bagi mengumpul data iaitu dimulakan dengan proses memohon kebenaran menjalankan kajian dan pemilihan responden kajian.

Pengkaji akan menggunakan aplikasi berasaskan kaedah rekabentuk penyelidikan Sains Sosial Fuzzy Delphi yang semakin banyak digunakan di Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah ini memandangkan sampel tidak dipilih secara rawak dan tidak mewakili dan dipilih berdasarkan tujuan untuk melihat pengetahuan dan pengalaman mereka secara mendalam terhadap bidang yang dikaji. Temubual dijalankan secara purposive atau judgement sampling di mana responden temubual yang terpilih mengikut kriteria yang ditetapkan dan bukan kebarangkalian.

2.1.1 Prosedur dan Etika Kajian

Beberapa langkah perlu diambil di dalam proses melaksanakan kajian. Pengkaji akan melakukan langkah-langkah berikut sebelum kajian sebenar dijalankan iaitu;

- a) Setelah proposal penyelidikan diluluskan oleh pihak Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Projek OUM (RPMU), surat lantikan ketua dan ahli penyelidik akan dikeluarkan. RPMU juga akan mengeluarkan surat kebenaran menjalankan kajian bagi tajuk berkaitan.
- b) Ketua Penyelidik akan menghubungi responden kajian untuk memohon kebenaran menjadi subjek kajian.
- c) Seramai tujuh orang dipilih sebagai responden untuk ditemu bual.
- d) Ketua Penyelidik akan menghubungi responden bagi mengatur sesi pengumpulan data.
- e) Kebenaran diberikan mengikut kesesuaian responden dan keadaan semasa.

2.1.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah menggunakan set-set soalan temubual yang telah dihasilkan oleh pengkaji bersesuaian dengan kehendak objektif kepada jawapan tajuk kajian yang dilakukan. Selain set soalan temubual, rakaman audio pengkaji juga akan meneliti kes-kes yang pernah dibicarakan di mahkamah syariah yang sesuai untuk dibincangkan berkaitan tajuk kajian.

2.1.3 Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Ia mempunyai persamaan dengan kaedah soal selidik dalam banyak aspek. Perbezaannya adalah cara melaksanakan kajian, iaitu temubual dilakukan secara lisan, dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik dan lain lain menurut Fontana (1994) dalam Mariam Abd. Majid (2017).

Menurut Azizi (2007) dalam Mariam Abd. Majid (2017), melalui kaedah temubual, responden kajian dapat menghuraikan dengan lebih terperinci sesuatu perkara. Selain itu, penyelidik boleh menyoal kembali jika terdapat sebarang maklumat yang kurang difahami. Kehadiran penyelidik boleh menjadi pemudah cara kepada soalan kerana penerangan dan penjelasan dapat diperolehi secara langsung. Menurutnya lagi, temubual yang dijalankan dengan menggunakan rekaan soal selidik yang baik mampu mendapatkan kadar maklum balas antara 80 hingga 85 peratus.

2.1.4 Responden Kajian

Barisan responden kajian yang dicadangkan adalah mereka yang berpengalaman lebih 7 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun di dalam bidang perundangan shari'ah. Ini kerana hal berkaitan harta sepencarian telah mengalami perubahan yang banyak di dalam tempoh tersebut. Kaedah pemilihan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Responden yang dipilih adalah terdiri;

- i-Hakim Mahkamah Shari'ah negeri-negeri
- ii-Mantan Hakim Mahkamah Shari'ah
- ii-Peguam sharie terlibat dengan tuntutan harta sepencarian.

2.1.5 Pengumpulan Data

Kajian kualitatif menggunakan beberapa pendekatan berbeza dalam pengumpulan data. Patton (1990) dalam Kamarul Azmi (2018) menyatakan bahawa data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan bertulis daripada petikan ataupun keseluruhan dokumen. Terdahulu daripada itu Zelditch (1979) dalam Kamarul Azmi (2018) telah menyatakan teknik pengumpulan data perlu disesuaikan dengan bentuk data.

Pemilihan teknik pengumpulan data perlu didasari oleh beberapa kriteria seperti;

- a) Syarat kecukupan informasi: Adakah teknik tersebut memberi peluang penkaji untuk memperoleh pengertian yang mendalam dan tepat?
- b) Syarat efisiensi: Data diperolehi dengan perbelanjaan yang minimum berkaitan aspek waktu, akses dan kos.
- c) Syarat pertimbangan etika: Tidak mengganggu privasi individu, tidak berada di dalam keadaan bahaya ataupun berisiko serta tidak menyalahi hak asasi manusia.

2.2 Analisis Data

Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis bertema untuk menganalisis data kajian. Braun dan Clarke (2006) dalam Mariam Abd. Majid (2017) menyatakan kaedah analisis bertema adalah satu kaedah asas untuk menganalisis kajian kualitatif. Maklum balas responden kajian ini di dapati dengan variasi cara campuran menerusi temubual, rakaman audio dan bahan bertulis. Selepas selesai mendapatkan maklum balas daripada responden, transkrip akan dihasilkan daripada tujuh orang responden yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Syariah, mantan hakim dan juga peguam syariah. Bagi memastikan keselarian temubual, rakaman audio dan bahan bertulis sebenar, transkrip dibaca dan dirujuk berulang-ulang kali.

Maklum balas responden akan diasingkan mengikut kategori soalan di dalam sebuah jadual. Kemudiannya, dimasukkan pula jawapan daripada setiap responden mengikut kategori soalan tersebut. Dengan ini pengkaji dapat melihat persamaan ataupun perbezaan pendapat, di samping penambahan-penambahan idea baru dan menarik daripada responden. Selepas itu, tema dikenal pasti melalui persoalan kajian yang dijadikan landasan kajian. Pandangan responden ini diklasifikasikan sebelum tema jawapan terhasil. Sebarang tema yang didapati mempunyai persamaan akan digabungkan. Pengkaji akan melakukan pengulangan bacaan sehingga yakin bahawa ia adalah tema paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Pengulangan bacaan juga dilakukan bagi tujuan pengesahan dapatan analisis. Bagi menentukan kebolehpercayaan maklumat juga, pengesahan daripada responden dilakukan dalam bentuk semakan semula.

3. Perbincangan

Kajian ini memfokuskan untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam berkaitan Pengurusan Harta Sepencarian yang mana ia di lihat sebagai satu bahagian penting pengurusan harta yang kurang diberikan perhatian. Masalah utama yang terkait dengan Pengurusan Harta Sepencarian adalah isu-isu yang berlaku di sekeliling kita seperti persengketaan keluarga yang berpanjangan, makan harta batil, isu ekonomi waris juga isu melibatkan harta beku dan sebagainya.

Dengan kata lain, pengurusan harta yang menyumbang kepada pelbagai isu ini jika tidak dikendalikan dengan bijak akan memberikan kesan yang semakin membarah dan mampu memporak perandakan masyarakat. Implikasinya adalah impak yang besar kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat, institusi juga kemajuan ekonomi negara. Sedangkan, hal berkaitan Pengurusan Harta Sepencarian adalah sangat penting kerana ia melibatkan tiga keadaan di dalam status kekeluargaan melibatkan

suami, isteri dan waris iaitu poligami, penceraian dan kematian. Lantaran itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bahagian atau segmentasi pengendalian Harta Sepencarian yang boleh ditambah baik untuk memantapkan pengurusan di pelbagai peringkat yang utama.

Antara penyumbang terbesar isu ini adalah kadar penceraian yang tinggi di Malaysia. Pada tahun 2022 sahaja kes penceraian melibatkan umat Islam ialah sebanyak 46,138 kes. Iaitu 80 peratus daripada kes keseluruhan penceraian.

Jadual 1: Jumlah penceraian di Malaysia daripada 2016 hingga 2022.

TAHUN	BILANGAN KES
2016	51,570
2017	50,314
2018	50,862
2019	56,624
2020	47,272
2021	43,936
2022	62,890

3.1 Definisi

Tuntutan Harta Sepencarian.

Menurut Kamus Dewan Edisi ke Empat tuntutan bermaksud sesuatu yang dituntut ataupun permintaan dengan mendesak supaya dilakukan sesuatu. Menurut Mohd Norhusairi dan Raihanah (2016) di dalam perbendaharaan fiqh klasik oleh ulama silam tiada perbincangan khusus berkaitan harta sepencarian dan tidak disebut secara langsung. Kebanyakan kitab fiqh membincangkan soal harta perkahwinan ataupun harta suami isteri dalam konteks yang agak terhad. Oleh itu secara tidak langsung harta sepencarian boleh diistilahkan sebagai mata' albait (perkakas rumah) atau mal alzawjain iaitu harta suami isteri menurut Ibrahim lembut (2007) dalam Mohd Norhusairi dan Raihanah (2016).

Pada masa kini telah banyak penulisan dan kajian oleh sarjana tempatan dan luar negara berkaitan harta sepencarian atas keunikan yang dimilikinya yang berlandaskan sistem adat masyarakat Nusantara yang tidak terdapat di tempat lain. Harta sepencarian juga telah diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia di dalam Eneknmen Undang-undang Keluarga Islam. Menurut Mohd Rashidi Ahmad (2021) harta sepencarian adalah sebarang harta yang diperolehi bersama oleh pasangan suami isteri secara langsung ataupun tidak langsung dalam tempoh perkahwinan berkuat kuasa. Ini termasuklah harta alih ataupun harta tak alih dan dilaksanakan dalam tiga keadaan pasangan iaitu poligami, penceraian dan kematian (Zaleha Kamaruddin, 2009). Oleh itu tuntutan harta sepencarian boleh didefinisikan sebagai permintaan dengan desakan yang dibuat ke atas harta yang diperolehi oleh pasangan suami isteri dalam tempoh perkahwinan berkuat kuasa melibatkan harta alih dan tidak alih yang dibuat dalam tiga keadaan pasangan suami isteri iaitu poligami, penceraian dan kematian.

4. Kesimpulan

Dapatan asas kajian mendapati harta sepencarian adalah pemilikan harta perolehan bersama suami dan isteri sepanjang masa sah ikatan perkahwinan mereka. Ia berdasarkan peruntukan undang-undang yang asalnya daripada adat Melayu yang jelas tiada bertentangan dengan undang-undang syarak dan ianya selari dengan Maqasid Syari'ah yang mana di Malaysia ia diguna pakai sebagai undang-undang

Islam. Kesimpulannya, Pengurusan Harta Sepencarian ini perlu di perkemaskan dan dimantapkan lagi untuk mencapai matlamat pengagihan yang efisien seperti yang dituntut oleh Maqasid Syariah.

5. Rujukan

- Al Quran dan Terjemahannya Pimpinan Ar Rahman.* (2000). Kuala Lumpur. Pusat Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Akram dan Mek Wok. (2020). *Maqasid al Adl (Keadilan) Dalam Isu Tuntutan Harta Sepencarian di Malaysia.* Journal of Islam in Asia Special Issue of Family Fiqh Issue in Malaysia. Vol. 17. No. 3
- Adzidah yaakob et al.(2020). Kepentingan Pengurusan Harta dan Urus Pusaka di Malaysia dari Perspektif Perundangan dan Maqasid Shariah. *INSLAE Proceedings* Vol 1, pp689-699 www.inslausim.edu.my
- Asmak dan nurbazla. (2018). *Tahap Kefahaman Wanita Mengenai Harta Sepencarian Selepas Penceraian di Daerah Kuala Langat Selangor.* Bangi. Penerbit Akademi Baru.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2018). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif.* Kuala Lumpur. Universiti Teknologi Malaysia. <https://www.researchgate.net.2930>
- Kamus Dewan Edisi Keempat.* 2014. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Luqman, Muhammad Ikhlas dan Raihanah.2022. *Pengurusan Harta Menurut Hukum Islam.* Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Mahdi Zahraa. 2003. *Unique Islamic Law Methodology and The Validity of Modern Legal and Social Science Research Method for Islamic Research.* *Arab Law Quartely* 18. NO 3/ 4 (2003),224-225
- Mariam Abd Majid. 2017. *Strategi Pemasaran Dakwah.* Selangor. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Mohamad Ali Roshdi. 2021. *Permasalahan Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Pembahagian Harta Pusaka.* Tanjung Malim. Journal Of Fatwa Management and Research. www.jfatwa.usim.edu.my
- Mohamad Zaharuddin. 2017. *Pensyariatan Hibah Menurut Kerangka Fiqh Islam.* Seminar Hibah dan Faraid. Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Anuar, Mohd Norhusairi dan Mohammad Aizat. 2012. *Elemen Sumbangan Dalam Pembahagian Harta Sepencarian: Pengalaman Kaum Wanita Melayu di Malaysia.* Esteem Academic Journal 8.2. Researchgate.net
- Mohd Norhusairi dan Mohd Hafiz. 2016. *Harta Sepencarian VS Harta Perkahwinan Dalam Perundangan Sivil: Satu Sorotan Ringkas.* Journal al Bashirah. Vol 6. No 1,pp:79-96 <https://e-journal.um.edu.my>
- Mohd Norhusairi dan Raihanah. 2016. *Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia: Satu Sorotan Literatur.* *Journal of Shariah Law Research.* Vol 1. (1) 75-88. www.mjlis.um.edu.my/index.php/JSLR
- Mohd Sabree et.al. 2020. *Hak Isteri Selepas Penceraian Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Faktor Menghalang Memperolehnya.* Journal of Law and Governance Volume 3 (No. 1) 2020: 42-53

Mualimin et al. 2020. *Konsep Uruf dan Masalah Sebagai Sumber Rujukan: Status Wanita Terhadap Harta Sepencarian Dalam Perundangan Islam di Malaysia*. 'Abqari jurnal. 23(2), 139-156.

Mufti Wilayah Persekutuan. *Tuntutan Nafkah Tertunggak Harta Simati*. 2020. <https://muftiwp.gov.my>

Nadirah, Sumayyah dan Mahadi. 2020. *Kewangan Dan Pengurusan Harta Dalam Masyarakat Islam Kontemporari*. Terengganu. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Norazlina et.al. 2019. *Harta Sepencarian/ Aset Perkahwinan Bagi Pembubaran Perkahwinan di Bawah Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 Serta Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984*. Journal of Shariah Law Research Vol 4 No. 1(2019)

Noor Liza et.al. 2019. *Pengamanahan Dalam Perancangan Dan Pengurusan Harta Orang Islam*. ISLAMIYYAT 41(2) 2019. 71-79 <https://doi.org/10.17576/islamiyyat>

Nur Sarah Tajul Urus et.al. 2021. *Sumbangan Simbolik Dalam Pembahagian Aset Harta Sepencarian di Malaysia: Satu Permintaan Pasca Penceraian*. Kedah. Journal Of Fatwa Management and Research.

Rabi'ah Mohd Serji et.al. 2021. *Harta Sepencarian: Isu dan Konflik Perundangan dalam Tuntutan Selepas Kematian dari Perspektif Undang-Undang Tanah di Malaysia*. Islamiyyat 43h(Isu Khas) 2021.43-53 <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-431K-04>

Ramlan dan Ghazali. 2018. *Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Wan Abdul Halim. 2016. *Perancangan Perwarisan Dan Kepentingan Pengurusan Harta Pusaka Islam*. Seminar Faraid Dan Perancangan Perwarisan. Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia

Yusuf al Qardhawi. 1993. *Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Terjemahan oleh Muhammad Zaini Yahaya. 2012. Kuala Lumpur. Penerbitan Seribu Dinar.